



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, Jun 18, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

■ ■ | A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

**Dua pensyarah UPM dipilih wakil negara ke Lindau Nobel Laureates ke-65**



**Oleh: Noor Eszereen Jufri**

**SERDANG, 19 Mei** — Dua pensyarah Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Amirah Abdul Latif dan Dr. Haslina Ahmad dipilih sebagai saintis muda negara oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai wakil negara ke Lindau Nobel Laureates ke-65 di Jerman.

Naib Presiden ASM, Datuk Prof. Dr. Asma Ismail berkata program itu yang bermula dari 29 Jun hingga 4 Julai ini bertujuan memberikan pendedahan dan membina jaringan bersama saintis terkemuka di peringkat antarabangsa.

Katanya, peserta mesyuarat tersebut dipilih daripada 80 buah negara dari institusi akademik serta yayasan yang mempunyai saintis terbaik, dan 25 pencalonan terbaik adalah daripada negara ini.

Dr. Amirah adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Fizik, manakala Dr. Haslina Ahmad, Pensyarah Kanan, Jabatan Kimia masing-masing di Fakulti Sains, UPM.

Sementara itu, pelajar Bachelour Sains (Kepujian) Major Fizik, Fakulti Sains UPM, Muhammad Khairul Adib Muhammad Yusuf turut terpilih mengikuti Program Musim Panas Penyelidikan Nuklear Eropah (CERN) yang juga bermula serentak di Geneva, Switzerland. - UPM

